

NOTA EFEKTIF



PEMIMPIN NEGARA YANG KUSANJUNGI

TAMPUK PENTADBIRAN NEGARA

PERDANA MENTERI KETUA KERAJAAN MALAYSIA

1. Pada 27 Julai 1955, Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan sebagai langkah untuk berkerajaan sendiri Persekutuan Tanah Melayu.
2. Parti Perikatan yang terdiri daripada *United Malays National Organisation (UMNO)*, *Malayan Chinese Association (MCA)* dan *Malayan Indian Congress (MIC)* telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.
3. Kemenangan tersebut telah membolehkan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selaku Ketua Parti Perikatan dilantik sebagai Ketua Menteri.
4. Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilantik sebagai Perdana Menteri.
5. Jawatan Perdana Menteri ini telah dikekalkan selepas pembentukan Malaysia dan diteruskan sehingga hari ini.

TUGAS PERDANA MENTERI

1 Penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong

Perdana Menteri akan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal pentadbiran negara.

2 Pengiring Yang di-Pertuan Agong

Perdana Menteri akan mengiringi Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

3 Ketua Kabinet

Perdana Menteri menjalankan pentadbiran negara bersama-sama dengan menteri.

4 Pengerusi Mesyuarat Kabinet

Perdana Menteri menjadi pengerusi Mesyuarat Kabinet bagi membincangkan dasar-dasar negara.

5 Perancang dan Penyelaras Dasar Negara

Perdana Menteri akan merancang dan menyelaraskan semua dasar negara.

6 Kebajikan Rakyat

Perdana Menteri mempunyai tugas untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.

PERDANA MENTERI KITA

1

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Bapa Kemerdekaan 1957-1970)

- Perdana Menteri Malaysia yang pertama
- Berkelulusan dalam bidang undang-undang dari Inner Temple, London, United Kingdom
- Beliau menubuhkan Parti Perikatan yang disertai oleh UMNO, MCA dan MIC
- Menjadi Ketua Menteri setelah Parti Perikatan memenangi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955
- Setelah merdeka, beliau dilantik sebagai Perdana Menteri dari tahun 1957 hingga 1970 dan diberi gelaran Bapa Kemerdekaan

2

Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein (Bapa Pembangunan 1970-1976)

- Merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kedua
- Berkelulusan dalam bidang undang-undang dari Lincoln's Inn, London, United Kingdom
- Pada tahun 1955, beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran
- Apabila merdeka, beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu
- Beliau juga memegang jawatan Menteri Pertahanan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar
- Pada tahun 1970, beliau menjadi Pengarah MAGERAN, Presiden UMNO dan Parti Perikatan dan seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia
- Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib ialah anak sulung kepada Tun Abdul Razak
- Tun Abdul Razak meninggal dunia pada tahun 1976 semasa sedang berkhidmat sebagai Perdana Menteri

3

Tun Hussein bin Dato' Onn (Bapa Perpaduan 1976-1981)

- Merupakan Perdana Menteri Malaysia yang ketiga
- Beliau berkelulusan bidang undang-undang dari Lincoln's Inn, London, United Kingdom
- Tahun 1970, beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran
- Beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1973
- Pada tahun 1976, beliau dilantik sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia
- Dato' Seri Hishammuddin merupakan anak beliau
- Tun Hussein bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981
- Beliau meninggal dunia pada tahun 1990

4

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Bapa Pemodenan 1981-2003)

- Beliau merupakan Perdana Menteri yang keempat
- Beliau berkelulusan dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII, Universiti Malaya, Singapura
- Dalam Pilihan Raya Umum 1974, beliau telah memenangi kawasan Parlimen Kubang Pasu dan dilantik menjadi Menteri Pelajaran
- Pada tahun 1976, beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri
- Pada tahun 1978, beliau dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian
- Tahun 1981, beliau menjadi Presiden UMNO dan Pengerusi BN dan seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia
- Beliau bersara pada tahun 2003

5

Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (Bapa Pembangunan Modal Insan 2003-2009)

- Merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kelima
- Mendapat pendidikan di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam) pada tahun 1964
- Beliau menceburi bidang politik pada tahun 1978 dan memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 1980, Menteri Pelajaran pada tahun 1984, dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999
- Tahun 2003, beliau dilantik sebagai sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi BN dan seterusnya dilantik menjadi Perdana Menteri

6

Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (2009 - 2018)

- Merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keenam
- Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang ekonomi industri dari Universiti Nottingham, United Kingdom pada tahun 1974
- Beliau memegang jawatan dalam kabinet pada tahun 1976 iaitu sebagai Timbalan Perdana Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos.
- Tahun 1990 beliau dilantik menjadi Menteri Pertahanan, Menteri Pendidikan pada tahun 1995 dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2004.
- Beliau dilantik menjadi Presiden UMNO dan Pengerusi BN dan seterusnya sebagai Perdana Menteri pada

7

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (2018 - hingga kini)

- Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri yang keempat Malaysia pada 16hb Julai 1981, menyandang jawatan itu untuk tempoh yang paling lama dalam sejarah Malaysia dan Asia Tenggara, iaitu 22 tahun.
- Walau bagaimanapun, pada tahun 2016, Tun Dr Mahathir muncul kembali di alam politik apabila beliau menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia untuk menandingi Barisan Nasional.
- Pada tahun 2018, dalam satu kejutan politik, PPBM dan parti-parti bersekutunya, memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14. Pada usia 93 tahun, Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri ke-7 Malaysia.

JASAMU DIKENANG

1

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah

- Parti Perikatan 1955
- Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Pembentukan Malaysia 1963
- Setiausaha Agung *Organization of the Islamic Conference* (OIC) yang pertama
- *Presiden Asian Football Confederation* (AFC)

2

Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein

- Penyata Razak 1956
- Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- Hubungan diplomatik dengan negara China
- *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN)

3

Tun Hussein bin Dato' Onn

- Menggalakkan perpaduan demi keamanan negara
- Skim Amanah Saham Nasional (ASN)
- Dasar Sains dan Teknologi Negara
- Sidang Kemuncak ASEAN Pertama

4

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

- Dasar Pandang ke Timur
- Wawasan 2020
- *Kuala Lumpur International Airport (KLIA)*
- Menara Berkembar PETRONAS
- Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya
- *Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM)*
- Jambatan Pulau Pinang
- Penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan bagi meningkatkan kerjasama Negara-negara Dunia Ketiga
- Persidangan Antrabangsa mengenai Penyalahgunaan Dadah

5

Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

- Dasar Bioteknologi Nasional
- Program j-QAF
- Pelan Integriti Nasional (PIN)
- Pengerusi OIC
- Koridor Wilayah Ekonomi Utara, Pantai Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak

6

Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

- 1Malaysia
- Program Transformasi Kerajaan
- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)
- *Goods and Services Tax (GST)*
- Pengerusi ASEAN
- Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)
- Menyelesaikan konflik di Pulau Mindanao dengan termeterainya proses damai antara Bangsamoro dengan kerajaan Filipina

KEPIMPINAN YANG UNGGUL

Ciri-ciri Kepimpinan Perdana Menteri	Jasa Perdana Menteri	Kepentingan kepada Masyarakat dan Negara
• Bijak • Berpandangan jauh • Tegas • Berdaya saing • Berani • Mempunyai strategi • Mesra rakyat	• Pembentukan Malaysia • Petrolam Nasional Berhad (PETRONAS) • Dasar Sains dan Teknologi Negara • Wawasan 2020 • Pelan Integriti Nasional • 1Malaysia	• Meningkatkan kemakmuran ekonomi • Menjaga kestabilan politik • Mengukuhkan perpaduan kaum • Memelihara keamanan negara • Meningkatkan taraf hidup rakyat